

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA PERBANDARAN RENDAH KARBON
BANDAR BARU BANGI BIL.01/2020**

TARIKH : 25HB. FEBRUARI 2020 (SELASA)
MASA : 9.00 PAGI
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT CEMPAKA PUTIH
TINGKAT 7, MENARA MPKj**

SENARAI KEHADIRAN

Hadir:

1. Tuan Haji Najmuddin bin Jemain : Timbalan Yang Dipertua, MPKj (Pengerusi)
2. YBhg. Datuk TPr. Nizam bin Sahari, *DPSM* : Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj (Setiausaha)
3. Pn. Rohaiza binti Razali : Sustainable Energy Development Authority – SEDA Malaysia
4. Pn. Nur Farah Ain binti Isa : Sustainable Energy Development Authority – SEDA Malaysia
5. Pn. Norfarhana binti Mohd Yusoff : Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia)
6. En. Saufi bin Baharudin : Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia)
7. En. Ahmad Shahril Izham bin Ramli : FIKR Consultancy Sdn. Bhd.
8. En. Muhammad Sufie bin Osman : FIKR Consultancy Sdn. Bhd.
9. En. Abdul Halim bin Samah : Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Kejuruteraan, MPKj
10. En. Mahyudin bin Zainy : Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Kejuruteraan, MPKj
11. Pn. Ruhaida binti Mustafar : Penolong Pengarah (Kanan), Bahagian Pengurusan Projek Jabatan Kejuruteraan, MPKj
12. En. Faizol bin Hatzri : Arkitek Lanskap,
Jabatan Lanskap & Rekreasi, MPKj

13. En. Ahmad Zekri bin Abd Kadir, CA(M)	:	Akauntan, Bahagian Kewangan, Jabatan Perbendaharaan, MPKj
14. En. Mohamad Zikri bin Ibrahim	:	Pegawai Kesihatan Persekutaran, Jabatan Persekutuan Perbandaran & Kesihatan, MPKj
15. Cik Khairani binti Kamaludin	:	Penolong Pegawai Seni Bina (Kanan) Jabatan Kawalan Bangunan, MPKj
16. En. Mohd Hanafi bin Juhari	:	Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Pelesenan dan Penjaja, MPKj
17. Pn. Nor Azua binti Borahordin	:	Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa, Unit Pusat Setempat, MPKj
18. En. Mohammad Firdaus bin Mohd Shah	:	Penolong Pegawai Pertanian, Jabatan Landskap & Rekreasi, MPKj
19. En. Mohamad Shamir bin Md Isa	:	Pertolong Pegawai Pertanian, Jabatan Landskap & Rekreasi, MPKj
20. En. Shahrul Nizam bin Hussain	:	Pertolong Pegawai Tadbir, Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat, MPKj
21. Pn. Nadhirah binti Mohd Noor	:	Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat, MPKj

Urus setia:

1. En. Low Kar Yong	:	Pegawai Perancang Bandar & Desa (Kanan), Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj
2. Pn. Nurshazwani binti Mohamad Osman	:	Pegawai Perancang Bandar & Desa, Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj
3. Pn. Siti Noriyati binti Pakin	:	Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa, Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj
4. Cik. Umi Noor Aqila binti Zakaria	:	Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa, Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj

1.0 UCAPAN PENGERUSI

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi Bil.01/2020.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk melaporkan status terkini program-program rendah karbon yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 serta perancangan bagi tahun 2020.
- 1.3 Pengerusi merakamkan ucapan tahniah kepada semua agensi teknikal yang terlibat atas pencapaian pelaksanaan program rendah karbon yang baik pada tahun 2019 dan berharap dapat meneruskan pencapaian yang lebih baik bagi tahun-tahun akan datang.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT LEPAS

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi Bil.1/2019 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 PERBENTANGAN PELAPORAN GERAN AUDIT TENAGA BERSYARAT MENARA MPKj

- 3.1 Wakil FIKR Consultancy Sdn. Bhd. telah membehtangkan pelaporan geran audit tenaga bersyarat bagi menara MPKj seperti berikut;
 - i. Tujuan pelaksanaan audit tenaga ini adalah untuk mengkaji, mengukur dan menilai sistem operasi tenaga di Menara MPKj serta mengenal pasti penggunaan tenaga, kecekapan tenaga dan langkah-langkah penjimatan yang boleh diambil;
 - ii. Jumlah geran yang diperoleh dari pihak Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia adalah sebanyak RM55,000.00 bagi tempoh pelaksanaan selama tiga (3) tahun bermula Jun 2018;
 - iii. Purata penggunaan tenaga di Menara MPKj adalah sebanyak 5,963.30 kWh/hari;
 - iv. 70% penggunaan tenaga digunakan bagi tujuan penyejukan bangunan;
 - v. 56% ruang di dalam bangunan mempunyai suhu kurang dari 23°C;
 - vi. 19% ruang di dalam bangunan mempunyai pencahayaan yang tinggi (melebihi ±20%);
 - vii. 6% ruang di dalam bangunan mempunyai kadar kelembapan yang tinggi (melebihi 70%); dan
 - viii. 41% ruang di dalam bangunan telah melepaskan kadar karbon dioksida yang tinggi (melebihi 1,000ppm).

Tindakan: Makluman

- 3.2 Wakil FIKR Consultancy Sdn. Bhd. memaklumkan terdapat beberapa maklumat yang diperlukan bagi melengkapkan laporan audit tenaga Menara MPKj.
- 3.3 Datuk Nizam bin Sahari, Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj mencadangkan supaya satu mesyuarat khas diadakan bagi membincangkan isu pembayaran dan hal-hal lain berkenaan pelaporan audit tenaga Menara MPKj dengan kadar segera.

- 3.4 Wakil Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia mencadangkan supaya melantik pegawai bertanggungjawab atau *Person-in-Charge* (PIC) bagi tujuan pembayaran dan pengurusan rekod maklumat audit tenaga Menara MPKj.
- 3.5 Mesyuarat memutuskan pegawai dari Jabatan Perancangan Pembangunan sebagai PIC bagi pengumpulan maklumat audit tenaga yang diperlukan dan mengatur semula mesyuarat bagi membincangkan hal-hal berbangkit dalam masa terdekat. Tuan pengurus meminta jabatan teknikal terlibat memberikan kerjasama dalam urusan pengumpulan maklumat dan data yang diperlukan.

Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj & Jabatan Kejuruteraan MPKj

4.0 PELAPORAN LOW CARBON CITIES 2030 CHALLENGE – PUSAT BANDAR SEKSYEN 9, BANDAR BARU BANGI TAHUN 2018-2019

- 4.1 Wakil urus setia membentangkan secara ringkas berkaitan status pelaksanaan bagi empat (4) program dan projek yang telah dilaksanakan dari tahun 2018 sehingga tahun berakhir Disember 2019 seperti berikut:
- i. Program penanaman pokok: 204 batang pokok telah ditanam;
 - ii. Program kompos: kutipan sebanyak 424.21 tan;
 - iii. Program minyak masak terpakai: kutipan sebanyak 30.94 tan; dan
 - iv. Program pengasingan sisa pepejal: kutipan sebanyak 31.48 tan.
- 4.2 Wakil urus setia memaklumkan pihak MPKj telah berjaya mempetoleh pengiktirafan empat (4) berlian bagi Low Carbon City Zone – Pusat Bandar Seksyen 9, Bandar Baru Bangi tahun 2019. Program pengurusan sisa pepejal akan diteruskan oleh Jabatan Persekutaran Perbandaran dan Kesihatan (JPPK) MPKj sehingga tahun 2035.

Tindakan: Makluman

- 4.3 Wakil Jabatan Persekutaran Perbandaran dan Kesihatan (JPPK) MPKj memaklumkan terdapat beberapa premis makanan yang bermamat untuk menyertai program kompos, program minyak masak terpakai dan program pengasingan sisa pepejal. Bancian data asas (*baseline*) pagi premis-premis baru ini dijangka akan dilaksanakan pada bulan Mac 2020.
- 4.4 Wakil Jabatan Persekutaran Perbandaran dan Kesihatan (JPPK) MPKj memaklumkan mesin penghancur (*shredder*) kompos akan diperoleh pada bulan Mac 2020.
- 4.5 Wakil Jabatan Persekutaran Perbandaran dan Kesihatan (JPPK) MPKj mencadangkan supaya pihak urus setia mengadakan majlis penghargaan kepada premis-premis dan agensi luar yang telah bekerjasama dalam menjayakan program dan projek Low Carbon Cities 2030 Challenge.

Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj, dan Jabatan Persekutaran Perbandaran & Kesihatan (JPPK) MPKj

5.0 PENAMBAHAN DUA (2) ELEMEN PENGUKURAN DI DALAM KAWASAN LCCF SEDIA ADA (SEKSYEN 9, BANDAR BARU BANGI) TAHUN 2020

- 5.1 Wakil urus setia memaklumkan terdapat dua (2) cadangan elemen pengukuran baru yang akan dilaksanakan pada tahun 2020 iaitu:
 - i. **Tenaga:** Penukaran lampu konvensional kepada lampu LED bagi lampu-lampu jalan di bawah penguatkuasaan MPKj; dan
 - ii. **Pengangkutan:** Laluan Bas Smart Selangor KJ04 (Hentian Kajang – Pusat Bandar Baru Bangi – Putrajaya).
- 5.2 Wakil Jabatan Kejuruteraan MPKj memaklumkan sebanyak 137 unit lampu jalan di Seksyen 9 Bandar Baru Bangi akan ditukar kepada lampu LED pintar (*smart LED lighting*) dengan kos perbelanjaan sebanyak RM500,000. Proses pengiklanan dan pembukaan tender akan dibuat pada bulan Mac 2020.
- 5.3 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj memaklumkan operasi perkhidmatan laluan Bas Smart Selangor KJ05 (Hentian Kajang – UKM – Pusat Bandar, Bandar Baru Bangi) yang telah berakhir pada 31 Disember 2019.
- 5.4 Ahli mesyuarat bersetuju untuk menangguhkan penambahan pengukuran elemen pengangkutan bagi tahun 2020 atas faktor kekangan maklumat dan kos pelaksanaan.
- 5.5 Wakil urus setia memaklumkan penyediaan laporan bagi tujuan *Provisional Certificate* akan merahgumi elemen tenaga serta mengekalkan elemen pengurusan sisa pepejal dan landskap (penanaman pokok). Laporan dijangka akan dihantar kepada pihak Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) pada April 2020.

Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj, dan Jabatan Kejuruteraan MPKj

6.0 LCC PARTNERS BANDAR BARU BANGI

- 6.1 Wakil urus setia membentangkan cadangan LCC Partners seperti berikut:
 - i. Merupakan satu cambahan bagi program Low Carbon Cities 2030 Challenge yang dianjurkan oleh pihak Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia);
 - ii. Melibatkan pelaksanaan program dan projek rendah karbon di bangunan individu, hospital, sekolah, terminal, kompleks sukan atau taman awam;
 - iii. Terdapat 39 bangunan dan agensi yang telah dikenalpasti berpotensi untuk menjadi LCC Partners di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi; dan
 - iv. Penyertaan satu (1) LCC Partners akan melibatkan impak kos sebanyak RM6,500 bagi pembayaran pendaftaran dan audit.

Tindakan: Makluman

- 6.2 Wakil urus setia memaklumkan bahawa satu cadangan bengkel akan diadakan bersama pihak Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) dan Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia bagi perbentangan lebih lanjut mengenai program LCC Partners dan GreenPass kepada penduduk, agensi dan organisasi di sekitar kawasan Bandar Baru Bangi.

- 6.3 Mesyuarat memutuskan bahawa kos pelaksanaan bengkel LCC Partners dan GreenPass ini boleh dimohon melalui peruntukan Unit Latihan, Jabatan Khidmat Pengurusan MPKj.
- 6.3 Datuk Nizam bin Sahari, Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj mencadangkan supaya bangunan Menara MPKj dijadikan sebagai salah satu LCC Partners bagi tahun 2020 dan laporan bagi tujuan *Provisional Certificate* boleh dihantar sekiranya maklumat audit tenaga Menara MPKj telah lengkap.

***Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj,
GreenTech Malaysia dan SEDA Malaysia***

7.0 PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK PELAN TINDAKAN PERBANDARAN RENDAH KARBON BANDAR BARU BANGI 2035

- 7.1 Wakil urus setia membentangkan cadangan pelaksanaan program dan projek Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 bagi tahun 2020 seperti berikut;

Bil	Program/ Projek	Tindakan Agensi Teknikal
1	Penanaman Pokok	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Landskap & Rekreasi
2	Mensyaratkan ciri-ciri rekabentuk Indeks Bangunan Hijau dan Kejuruteraan Hijau dalam kelulusan Kebenaran Merancang, Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Pembangunan Unit Pusat Setempat (OSC) Jabatan Kejuruteraan Jabatan Kawalan Bangunan
3	Menggalakkan penggunaan basikal dengan mengadakan program-program seperti 'Car Free Day', 'Cycling Road Tour' dan lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Pembangunan Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat
4	Penyediaan laluan pejalan kaki sepanjang 14.15km bagi Fasa 1	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Pembangunan Jabatan Landskap & Rekreasi
5	Kempen tanam semula pokok sepanjang Sungai Langat	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Pembangunan Jabatan Landskap & Rekreasi Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat
6	Menggalakkan pemaju menggunakan sistem taman vertikal pada pembangunan baharu	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Pembangunan Jabatan Landskap & Rekreasi Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Jabatan Kawalan Bangunan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
7	Mewajibkan pelan pengasingan sisa bahan binaan di tapak binaan untuk permohonan kerja tanah / pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Persekitaran Perbandaran & Kesihatan (JPPK) Jabatan Kejuruteraan Jabatan Kawalan Bangunan
8	Mewajibkan pemaju menjelaskan mengenai penggunaan semula setiap kategori bahan buangan di tapak binaan di dalam pelan pengasingan sisa binaan	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Persekitaran Perbandaran & Kesihatan (JPPK) Jabatan Kejuruteraan Jabatan Kawalan Bangunan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Bil	Program/ Projek	Tindakan Agensi Teknikal
9	Menghebahkan penyediaan pengangkutan awam melalui media massa secara berkala	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perancangan Pembangunan • Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat • Bahagian Teknologi Maklumat • Agensi / Syarikat Pengangkutan Awam • Agensi / Syarikat Telekomunikasi
10	Meningkatkan penyediaan tong kitar semula dan tong sampah di kawasan perumahan, komersial dan tempat awam	
11	Melantik wakil komuniti, wakil MPKj atau syarikat bagi pengurusan kutipan dan penjualan barang kitar semula dan minyak masak terpakai	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Persekitaran Perbandaran & Kesihatan (JPPK) • Jabatan Pelesenan & Penjaja • SWCorp • KDEB
12	Penyediaan tong pengumpulan minyak masak terpakai dan kompos di kawasan komuniti	
13	Menukar semua lampu-lampu jalan yang diselenggara oleh MPKj kepada lampu cekap tenaga secara berperingkat	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perancangan Pembangunan • Jabatan Kejuruteraan • Tenaga Nasional Berhad (TNB)
14	Mewajibkan semua bangunan kerajaan untuk mengawal suhu minimum 24°C sepanjang operasi	
15	Menggalakkah penggunaan sistem penuaian air hujan dan peralatan jimat air bagi bangunan baharu dan bangunan yang diubahsuai	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perancangan Pembangunan • Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) • Jabatan Kejuruteraan • Jabatan Kawalan Bangunan
16	Mewujudkan jawatankuasa bagi program penanaman pokok	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Landskap & Rekreasi
17	Melaksanakan program secara berkala	
18	Program Bandar Baru Bangi Tanpa Kenderaan	
19	Mempromosikan pertandingan di media sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perancangan Pembangunan • Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat
20	Menubuhkan ahli jawatankuasa dan menjadikan pertandingan ini sebagai aktiviti tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Persekitaran Perbandaran & Kesihatan (JPPK) • Jabatan Landskap & Rekreasi • Jabatan Kejuruteraan
21	Menggalakkan peserta untuk menyertai program LCCF dan pengiktirafan dari Kerajaan Persekutuan, Negeri dan lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)
22	Mempromosikan informasi perbandaran rendah karbon di papan iklan / papan tanda informasi digital	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pelesenan & Penjaja • Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta • Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat

- 7.2 Pengerusi meminta pihak urusetia untuk memastikan cadangan pelaksanaan program dan projek Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 ini diselaraskan dengan Pelan Strategik MPKj.
- 7.3 Pengerusi mencadangkan pelaksanaan program *Car Free Morning* dilakukan bersama agensi luar dan memperkecilkan skop kawasan program untuk mengurangkan kos pelaksanaan.
- 7.4 Wakil Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) memaklumkan terdapat program tajaan stesen pengecas elektrik yang dilaksanakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan mencadangkan supaya pihak MPKj menghantar permohonan bagi program ini.
- 7.5 Mesyuarat memutuskan bahawa moto "Beretika Kehidupan Berkualiti" disetiap papan tanda iklan di Bandar Baru Bangi ditukarkan kepada "Bandar Baru Bangi Bandar Rendah Karbon 2035" serta mengiklankan maklumat rendah karbon di papan iklan elektronik yang terdapat di Bandar Baru Bangi.
- 7.6 Pengerusi memaklumkan pelaksanaan program perbandaran rendah karbon Bandar Baru Bangi ini adalah melibatkan semua jabatan dalaman MPKj dan bukan hanya melibatkan Jabatan Perancangan Pembangunan. Beliau meminta semua wakil yang hadir untuk memaklumkan semula perkara ini kepada pengarah Jabatan/Unit/Bahagian masing-masing untuk memberikan kerjasama dan tindakan selanjutnya.

Tindakan: Semua agensi teknikal yang disenaraikan

8.0 HAL-HAL LAIN

- 8.1 Wakil Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) membentangkan program Solar 300 seperti berikut;
 - i. Merupakan satu program pelaburan dari Taiwan untuk melabur dalam pemasangan sistem protovolta solar di Malaysia dan menawarkan tarif diskauan (*discounted tariff*) kepada pemilik bangunan;
 - ii. Pihak GreenTech Malaysia yang bertindak sebagai urusetia program ini telah menandatangani perjanjian bersama pengurus projek iaitu Dentou PVM Sdn Bhd (DPVM) untuk mencari pemilik bangunan yang layak;
 - iii. Kontrak pelaksanaan program ini adalah selama 20 tahun;
 - iv. Kos pemasangan dan penyelenggaraan sistem protovolta solar akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pelabur; dan
 - v. Menawarkan "*Build Operate Own Transfer Model*" dimana aset akan dipindahkan ke pemilik tapak/ bangunan selepas berakhirnya kontrak.

Tindakan: Makluman

- 8.2 Datuk Nizam bin Sahari, Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj mencadangkan program Solar 300 dilaksanakan di laluan pejalan kaki berbumbung di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi.
- 8.3 Wakil Jabatan Kejuruteraan MPKj memaklumkan telah terdapat cadangan pemasangan panel solar bersama agensi GSparx di Dewan Seri Cempaka, Saujana Impian, Kajang dan mencadangkan program Solar 300 boleh dilaksanakan di bangunan dewan dan kompleks sukan di Bandar Baru Bangi.

- 8.4 Wakil Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) mencadangkan pihak MPKj untuk bekerjasama dengan pemilik premis komersial, kilang dan pemaju bagi pelaksanaan program Solar 300.

***Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj
dan Jabatan Kejuruteraan, MPKj***

- 8.5 Pengurus mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj

9.0 PENUTUP

- 9.1 Pengurus mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengah hari.

Disediakan oleh:



(NURSHAZWANI BINTI MOHAMAD OSMAN)
Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang

Disemak oleh:



(DATUK TPr. NIZAM BIN SAHARI DPM)
Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang

Disahkan oleh:



(HAJI NAJMUDDIN BIN JEMAIN)
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang

